

Perutusan Pengerusi

Perutusan Pengerusi

Persatuan Madrasah Tahfiz Al-Quran Malaysia (PERMATA)

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Selawat dan salam kepada junjungan besar Rasulullah S.A.W. dan seisi keluarga baginda serta para sahabat.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T. tuhan pentadbir sekalian alam, di atas segala nikmat dan kekuatan yang telah diberikan kepada semua warga PERMATA sehingga berjaya membangun sebagai satu organisasi yang progresif dan cemerlang sejak penubuhannya lima tahun yang lalu.

Saya bagi pihak PERMATA berasa gembira di atas setiap usaha dan pencapaian yang digarapkan sehingga membuah hasil kejayaan sepertimana yang kita kecapi sekarang. Saya harap, setiap laluan ke arah kejayaan ini sama-samalah kita harungi bersama dan sentiasa diperbaiki dari masa ke semasa selaras dengan perkembangan zaman yang serba moden lagi canggih terutamanya di dalam bidang teknologi maklumat tanpa sempadan masa kini. Sehubungan dengan itu, saya berbangga dengan satu lagi pencapaian yang telah diusahakan oleh PERMATA di dalam bidang penyebaran maklumat melalui ruang maya, iaitu laman web PERMATA. Dengan wujudnya laman web ini, ianya diharap dapat membantu ahli-ahli PERMATA khususnya dan masyarakat luar umumnya untuk mengenali dan menghayati aktiviti PERMATA dengan lebih mendalam di samping mendapatkan informasi terkini dengan lebih cepat dan tepat tanpa bersusah payah untuk datang terus ke pejabat PERMATA.

Selain daripada itu, melalui laman web PERMATA ini juga dapat memberi peluang kepada pihak PERMATA sendiri untuk mempromosikan perkhidmatannya kepada ahli-ahli khususnya dan masyarakat umum, tidak kira di mana mereka berada, baik di dalam mahupun di luar negeri. Melalui laman web ini juga diharap dapat memberi peluang kepada mana-mana pihak untuk memberi dan menerima maklum balas positif berkenaan dengan aktiviti yang telah, sedang dan akan dilaksanakan oleh PERMATA.

Sehubungan dengan pencapaian ini, saya bagi pihak PERMATA ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Timbalan Seiausaha PERMATA dan kepada semua pihak yang terbabit di dalam penyediaan laman web PERMATA ini sehingga ianya berjaya dilancarkan ke ruang maya. Sesungguhnya saya secara peribadi amat berpuas hati kerana tertubuhnya TahfizMalaysia.com pada tahun 2006 setelah diusahakan semenjak tahun pertama lagi. Kepada semua ahli PERMATA yang turut memberikan sokongan, bantuan dan kerjasama di dalam menjayakan setiap aktiviti PERMATA, jutaan terima kasih diucapkan. Marilah kita bersama-sama berusaha memanfaatkan laman web PERMATA demi kebaikan dan kebajikan bersama.

Sekian, wassalam.

Drs. Nazaruddin Jalaluddin

Pengerusi PERMATA